

12/01/2002

Malaysia hantar misi perubatan ke Afghanistan

Johan Afandi

KESUNGGUHAN kerajaan Malaysia dan keprihatinan rakyatnya dalam usaha membantu mereka yang kurang bernasib sama ada di dalam atau luar negara, termasuk membantu mangsa peperangan di Afghanistan, sepatutnya dicontohi.

Sejak misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Congo (Zaire) pada sekitar 50-an, pasukan keselamatan negara sentiasa menjadi contoh terbaik kepada anggota PBB lain.

Apabila Amerika melancarkan serangan udara terhadap Afghanistan, rakyat Malaysia diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, lantang mengutuk dan menggesa kuasa besar itu menghentikan serangan terhadap negara yang tidak putus-putus dilanda peperangan.

Bagi Malaysia, rakyat Afghanistan tidak adil dihukum atas perbuatan orang luar, iaitu Osama bin Laden. Apatah lagi, rakyat negara itu sudah cukup menderita kesan peperangan hampir 20 tahun apabila rejim Kremlin berperang dengan negara termiskin di dunia itu.

Kemudian penderitaan itu diteruskan dengan pemerintahan kuku besi rejim Taliban yang didakwa menjadi dalang kepada pertubuhan pengganas tajaan Osama, Al Qaeda.

Rakyat Afghanistan terus menjadi pelarian di bumi sendiri dan negara jirannya Pakistan yang dihimpit tekanan dari Amerika, memikul tanggungjawab untuk menjadi tempat perlindungan pelarian.

Malaysia sebenarnya tidak berbual kosong, malah menjadi antara negara paling cergas menghantar sumbangan kepada pelarian.

Atas kesedaran ini, Tabung Pelarian Afghanistan ditubuhkan dan semua lapisan rakyat menyumbang bagi membantu pelarian Afghanistan di bumi Pakistan.

Tidak cukup dengan sumbangan, beberapa misi dari pertubuhan politik di negara ini, sama ada dari parti pemerintah atau pembangkang termasuk dari NGO dihantar bagi meninjau dan mengumpul maklumat mengenai penderitaan pelarian Afghanistan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berasakan bahawa adalah lebih baik sekiranya pasukan dari pihak kerajaan yang lengkap dari segi kemudahan perubatan dihantar ke Pakistan bagi membantu pelarian.

"Atas cadangan Perdana Menteri, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menghantar satu pasukan perubatan ke Pakistan," jelas Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, ketika mengulas mengenai penghantaran pasukan perubatan ATM.

Mengapa ATM dipilih? Satu persoalan yang tidak perlu diberikan penjelasan panjang lebar.

ATM sentiasa menjadi kebanggaan rakyat negara ini dan rekod kecemerlangan mereka berkhidmat dibawah beret biru muda iaitu panji PBB tidak perlu dipertikaikan.

Di Bosnia, anggota ATM menjadi buah mulut rakyat negara itu khususnya dalam memberikan perkhidmatan perubatan.

Sehubungan itu, pemilihan anggota perubatan ATM ke Pakistan amat tepat dan bersesuaian kerana selain mempunyai kepakaran dalam bidang perubatan, anggota pasukan itu terlatih bagi menghadapi situasi yang kritikal seperti di sempadan Pakistan.

Tambahan pula, lokasi penempatan anggota Malmedtim ini dikenali sebagai Chaman yang terletak kira-kira 9,000 kaki dari paras laut dan kira-kira tiga kilometer daripada sempadan dengan Afghanistan.

Najib berkata, selain itu, perangkaan rasmi jumlah pelarian di kawasan

itu ialah kira-kira 2.5 juta orang tetapi dikatakan boleh menjangkau 4 juta orang.

Pasukan Malmedtim itu mengandungi seramai 53 anggota iaitu 12 pegawai dan 41 anggota lain pangkat, termasuk pakar bedah, pakar bius, pakar perubatan kanak-kanak selain dibantu oleh paramedik dan jururawat.

Pasukan itu turut membawa kelengkapan perubatan termasuk ubat-ubatan seberat kira-kira 20,000 kilogram dan akan berada di sana selama dua bulan.

Bagi menjaga keselamatan pasukan ini, lima anggota pengawal keselamatan dari 10 Briged Para dihantar.

Apa yang menarik mengenai pasukan ini ia diketuai oleh Lt Kol Dr Jasemudin Abu Bakar yang mendapat pendidikan di Pakistan dan fasih berbahasa Urdu.

Dua anggota Malmedtim ketika di temubual Berita Harian sebelum berangkat, mereka menyifatkan misi perubatan itu dijangka lebih sukar berbanding di Bosnia.

Mejar Dr Mohd Nizam Daud, 33, percaya keadaan di Pakistan dijangka amat sukar bagi pelarian, tambahan pula ketika musim sejuk ini.

"Di Bosnia dulupun musim sejuk, tetapi penduduk di sana mempunyai kelengkapan tempat tinggal yang cukup seperti alat pemanas dan sebagainya dan situasi ini amat berbeza dengan pelarian Afghanistan," katanya.

Katanya, daripada maklumat yang dikumpulnya keadaan persekitaran pelarian Afghanistan amat daif dan ini sudah tentu mengundang banyak penyakit dan kesukaran bagi pelarian.

Satu lagi keistimewaan pasukan ini ia mempunyai tiga anggota perubatan wanita diketuai oleh Kapten Dr Sharifah Sofiah Syed Zainol Abidin, berasal dari Alor Star, Kedah.

Bagi Sharifah Sofiah, pemergiannya kali ini begitu istimewa bagi dirinya kerana hajatnya untuk membantu pelarian Afghanistan tercapai.

"Saya bersyukur dan berbesar hati kerana terpilih menyertai pasukan ini," katanya.

(END)